

Sila baca Helaian Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai Takaful myHome Content. Sila pastikan juga anda membaca terma dan syarat am.

1. Apakah produk ini?

Produk ini menyediakan perlindungan bagi isi kandungan rumah untuk kerugian atau kerosakan akibat kebakaran, kilat, letupan, kecurian, ribut taufan, gempa bumi, banjir dan tangki/paip air yang pecah atau oleh sebarang peril - peril yang dinyatakan di dalam sijil.

Produk ini adalah untuk Penghunian bagi Pembinaan Kelas 1A*.

Nota:

- * Kelas Pembinaan 1A - Dinding Luaran – Dibina sepenuhnya daripada bata.
Bumbung – Dibina sepenuhnya daripada bahan bukan mudah terbakar.

2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?

Produk ini menggunakan konsep Syariah berikut:

- i) **Hibah** merujuk kepada pemindahan hak milik atas satu aset dari penderma kepada penerima tanpa sebarang pertimbangan. Di bawah produk ini, manfaat yang dibayar dari Dana Takaful Am (“DTA”) adalah berdasarkan Hibah.
- ii) **Ju’alah** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak menawarkan ganjaran tertentu kepada pihak lain yang berjaya mencapai hasil yang telah ditetapkan. Di bawah produk ini, peserta membenarkan Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad (“Kami”, atau “Takaful Malaysia”) untuk menerima sebahagian daripada lebihan boleh agih daripada DTA sebagai insentif prestasi atas pencapaian Takaful Malaysia dalam menguruskan DTA yang menghasilkan lebihan tersebut.
- iii) **Qard** merujuk kepada kontrak pemberian pinjaman wang oleh pemberi pinjaman kepada peminjam di mana peminjam itu perlu membayar balik jumlah yang setara kepada pemberi pinjaman. Di bawah produk ini, Takaful Malaysia akan meminjamkan sejumlah wang kepada DTA tanpa faedah sekiranya DTA mengalami defisit.
- iv) **Tabarru’** bermaksud derma untuk tujuan kebajikan. Di bawah produk ini, peserta menderma sebahagian sumbangan kepada DTA untuk membantu peserta lain. Tabarru’ berkuat kuasa apabila peserta menyumbang kepada DTA.
- v) **Wakalah** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada satu pihak yang lain sebagai wakilnya untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan upah. Di bawah produk ini, peserta memberi kuasa kepada Takaful Malaysia untuk menguruskan DTA dan sebagai balasannya, Takaful Malaysia akan menerima yuran Wakalah.

3. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Produk ini melindungi:

- i) Kerugian atau kerosakan ke atas isi rumah anda disebabkan oleh kebakaran, petir dan letupan disebabkan oleh gas untuk tujuan kegunaan domestik.
- ii) Kerugian atau kerosakan isi rumah anda disebabkan oleh pesawat udara, kenderaan jalan raya atau haiwan, tangki paip air yang pecah atau melimpah, kecurian melalui pencerobohan secara paksaan dan ganas, ribut, gempa bumi dan banjir.
- iii) Kerosakan kepada cermin.
- iv) Harta benda pembantu rumah.
- v) Liabiliti kepada pihak ketiga atas kemalangan di rumah anda.
- vi) Pampasan disebabkan oleh kecederaan teruk yang berlaku dengan keganasan oleh pencuri atau kerana kebakaran.
- vii) Kehilangan sewa tidak melebihi 10% daripada Jumlah Perlindungan kandungan.
- viii) Perlindungan Tambahan:
 - a) Kerosakan makanan di dalam peti sejuk.
 - b) Kos untuk menggantikan mangga/kunci.
 - c) Kos untuk menggantikan kehilangan dokumen undang-undang/guaman.
 - d) Kos perkhidmatan pembersihan/dobi.
 - e) Kerugian atau kerosakan kepada penapis air di luar bangunan (di dalam kawasan) selain disebabkan oleh kebakaran atau petir.

Anda boleh meluaskan perlindungan ini kepada risiko berikut dengan membayar sumbangan tambahan:

- i) Tanah Mendap dan gelinciran tanah - $0.081\% \times \text{Jumlah Dilindungi/Pelan Dipilih}$; atau
- ii) Rusuhan, mogok dan kerosakan akibat perbuatan niat jahat (RSMD)- $0.010\% \times \text{Jumlah Dilindungi/Pelan Dipilih}$.

Tempoh perlindungan adalah untuk setahun. Anda perlu memperbaharui sijil anda setiap tahun.

Nota:

Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada sijil untuk senarai manfaat yang lengkap bagi produk ini.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) PIDM atau hubungi Takaful Malaysia atau PIDM (layari www.pidm.gov.my/my).

4. Berapakah jumlah sumbangan yang saya perlu bayar?

1) Pelan Sumbangan Untuk Peserta Individu

Pelan	Jumlah Perlindungan Isi Rumah* (RM)	Sumbangan Tahunan** (RM)	Sumbangan dengan Tanah Mendap & Gelinciran Tanah (RM)	Sumbangan dengan RSMD (RM)	Sumbangan dengan Tanah Mendap & Tanah Runtuh dan RSMD (RM)
1.	34,600	144.29	180.53	147.53	183.77
2.	56,750	243.55	287.29	248.95	292.69
3.	84,000	351.82	417.43	359.92	425.53
4.	111,750	463.87	551.35	474.67	562.15
5.	164,000	663.40	794.62	679.60	810.82
6.	216,250	862.93	1,037.89	884.53	1,059.49

2) Pelan Sumbangan Untuk Peserta Korporat

Pelan	Jumlah Perlindungan Isi Rumah* (RM)	Sumbangan Tahunan** (RM)	Sumbangan dengan Tanah Mendap & Gelinciran Tanah (RM)	Sumbangan dengan RSMD (RM)	Sumbangan dengan Tanah Mendap & Tanah Runtuh dan RSMD (RM)
1.	34,600	144.29	170.53	147.53	173.77
2.	56,750	233.55	287.29	238.95	292.69
3.	84,000	351.82	417.43	359.92	425.53
4.	111,750	463.87	551.35	474.67	562.15
5.	164,000	663.40	794.62	679.60	810.82
6.	216,250	862.93	1,037.89	884.53	1,059.49

* Jumlah Perlindungan seperti yang dinyatakan dalam jadual di atas adalah termasuk perlindungan tambahan [rujuk kepada perkara no.3(viii)].

**Sumbangan Tahunan seperti yang dinyatakan dalam jadual di atas adalah termasuk Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem.

5. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Jenis	Amaun
Yuran Wakalah	50% daripada sumbangan di mana: [contoh: sumbangan kasar ialah RM124.34 (Pelan 1) x 50% = RM62.17] - Komisen – 15% Pebelanjaan Lain – 35%
Duti Setem*	RM10.00
Cukai Perkhidmatan	8% daripada sumbangan yang dibayar

*Duti setem dikecualikan bagi sijil dengan jumlah sumbangan tahunan yang tidak melebihi RM150 (untuk Peserta Individu) dan RM 250 (untuk Peserta Korporat) sehingga 31/12/2025. Selepas itu, duti setem RM10 perlu dibayar bermula dari 1/1/2026 tanpa mengira jumlah sumbangan tahunan.

6. Apakah sebahagian daripada terma dan syarat penting yang patut saya ketahui?

Sebahagian daripada terma dan syarat penting yang patut anda ketahui adalah:

i. Tangungjawab Pendedahan**Kontrak Takaful Pengguna**

Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon Takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak membuat pernyataan yang salah dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon Takaful ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan berkenaan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful anda, penolakan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful anda. Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon Takaful ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan Takaful ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

Kontrak Takaful Komersial

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon Takaful ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak Takaful, penolakan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful anda. Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan Takaful ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

- ii. **Perubahan Risiko** – Anda mesti memaklumkan Takaful Malaysia atau ejen anda secara bertulis terhadap sebarang perubahan penting yang berlaku sepanjang tempoh sijil supaya pindaan yang wajar akan disahkan ke dalam sijil anda.
- iii. **Tanggungjawab Peserta** - Anda mesti mengambil semua langkah berjaga-jaga untuk keselamatan harta yang dilindungi.
- iv. Anda mesti memastikan bahawa harta anda dilindungi pada amaun yang sesuai, sama ada pada:
 - a) **Asas nilai pasaran** – Kami akan membayar kos penuh memperbaiki kerosakan harta tolak amaun haus dan lusuh dan susut nilai.
 - b) **Asas nilai penggantian** – Kami mengembalikan, memperbaiki atau mengganti kerugian atau kerosakan harta tanpa sebarang tolakan dibuat bagi haus dan lusuh atau susut nilai dengan syarat jumlah yang dilindungi mencukupi untuk melindungi kos penggantian.
- v. **Jumlah perlindungan tidak mencukupi** – Anda mesti memastikan supaya jumlah yang dilindungi adalah mencukupi, jika tidak, syarat-syarat purata akan diguna pakai bagi jumlah perlindungan yang tidak mencukupi pada masa kerugian berlaku. Anda dianggap akan membayar sendiri perbezaan yang timbul dan akan menanggung bahagian yang boleh ditaksir daripada kerugian tersebut dengan sewajarnya.
- vi. **Ekses** – Adalah jumlah kerugian yang perlu anda tanggung sekiranya berlaku tuntutan.

7. Apakah pengecualian utama bagi produk ini?

Produk ini tidak melindungi kerugian tertentu seperti:

- i) Peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan atau sebarang tindakan keganasan.
- ii) Arahan kerajaan atau Perbandaran Awam atau Pihak Berkuasa Tempatan.
- iii) Senjata nuklear atau pengionan radiasi atau pencemaran.
- iv) Apa jua bentuk kerugian atau kerosakan.
- v) Kerosakan harta ke atas data atau perisian.
- vi) Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh kecurian oleh pembantu rumah anda atau mana-mana ahli keluarga atau isi rumah.
- vii) Bir, arak, gambar haiwan atau barangan yang digunakan untuk tujuan keagamaan seperti berhala.

- viii) Seksyen “Liabiliti kepada Awam” tidak meliputi sebarang kecederaan melibatkan asbestos atau kerosakan melibatkan penggunaan, kehadiran, kewujudan, pengesanan, pengalihan, penghapusan atau pengelakan pendedahan asbestos atau pendedahan potensi terhadap asbestos.
- ix) Sebarang acara/aktiviti lain yang dilarang/bertentangan dengan Syariah.

Nota:

Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada sijil untuk senarai pengecualian yang lengkap bagi produk ini.

8. Bolehkan saya membatalkan sijil saya?

Anda boleh membatalkan sijil anda pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan sebahagian daripada sumbangan dengan syarat anda tidak membuat apa-apa tuntutan.

9. Apa yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

10. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan berkenaan Takaful myHome Content, sila hubungi kami atau mana-mana cawangan kami atau ejen kami atau anda boleh merujuk kepada buku panduan *insuranceinfo* berkaitan ‘Takaful Pemilik Rumah/Isi Rumah’ yang boleh didapati di cawangan kami atau layari www.insuranceinfo.com.my.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Unit Khidmat Pelanggan (CSU)

Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad [201701032316 (1246486-D)]

Tingkat 27, Blok Annex,

Menara Takaful Malaysia,

No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,

50000 Kuala Lumpur

P.O. Box 11483,

50746 Kuala Lumpur.

Tel: 1-300 88 252 385

Faks: 603 - 2274 0237

Emel: csu@takaful-malaysia.com.my

Laman web: www.takaful-malaysia.com.my

11. Jenis-jenis perlindungan lain yang sama dan boleh didapati.

Sila rujuk kepada cawangan atau ejen kami untuk mendapat maklumat mengenai perlindungan lain yang serupa yang boleh didapati.

NOTA PENTING:

ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI KAMI TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad [No. Pendaftaran: 201701032316 (1246486-D)] adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan diselia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang dinyatakan di dalam Helaian Penerangan Produk ini adalah sah pada April 2025.